

*International Conference In Teaching & Learning
Through Games (iCoTLG)*

Toleransi melalui permainan tradisional: menarik upih


Oleh: Mohd Richard Neles Abdullah
Jabatan Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme
Keguruan, IPGK Batu Lintang
mrichardn33@yahoo.com.my

Subjek: Pendidikan Moral
Pendidikan Rendah, Menengah & Keguruan

Teori/model/ pendekatan pedagogi yang merupakan asas penggunaan permainan

- ▶ Model kecerdasan pelbagai (KP) daripada teori kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner diaplikasikan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ini. Menurut Gardner (2009; 2010), kecerdasan atau kecekapan seseorang individu adalah berkaitan dengan set kebolehan yang unik.
- ▶ Mengikut model Gardner, kecerdasan seseorang boleh dipelajari, dikembang dan dipertingkatkan.
- ▶ Kecerdasan dibahagikan kepada 9 jenis, iaitu, Verbal/Linguistik, Logical–Mathematical, Musical/Rhythmic, Visual/Spatial, kinestetik, interpersonal, intrapersonal, naturalis, spiritual.

...Model/Teori/Pendekatan Pedagogi

- ▶ Model KP Gardner berlandaskan kepada prinsip; setiap individu mempunyai kesemua sembilan kecerdasan tetapi pada tahap perkembangan yang berlainan. Kebanyakan individu dapat mengembangkan setiap kecerdasan ke satu tahap yang cekap jika diberi galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai.
 - ▶ Kecerdasan jarang beroperasi secara tersendiri. Sesuatu kecerdasan boleh dimanifestasikan dalam pelbagai cara dan bentuk.
- 

...Model/Teori/Pendekatan Pedagogi

- ▶ Menangani KP dan potensi pelajar boleh membantu pendidik memperibadikan pengajaran dan kaedah penilaian mereka (businessballs.com, 2009).
- ▶ Pembelajaran melalui KP mendapati terdapatnya pencapaian yang tinggi terhadap pemahaman konsep pelajaran dan pengekalan pengetahuan pelajar (Ozdemir, P., Guneyisu, S. dan Tekkaya, C., 2006).
- ▶ KP dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mengenai nilai toleransi yang melalui permainan menarik upih ini ialah kinestetik, visual, linguistik, interpersonal, intrapersonal, naturalis dan spiritual.

Model/Teori/Pendekatan Pedagogi

- ▶ Saayah Abu (1997) mendapati ramai guru-guru tidak memahami konsep belajar melalui bermain. Ini memotivasikan saya untuk berkongsi ilmu dan pengalaman sebagai mantan mentor PBS dan guru subjek Pendidikan Moral sekolah menengah.
- ▶ Murid-murid juga akan belajar menghayati nilai murni umumnya dan toleransi khususnya, peraturan dan etika (spiritual) ketika seronok bermain (Mohd Richard Neles, Abdul Razaq Ahmad & Fazilah Idris, 2012; Azila, 2011; Jurita, 2011).

Sasaran

- ▶ Pendidikan Sekolah Rendah
 - ▶ Pendidikan Menengah
 - ▶ Latihan Keguruan
- 

Objektif

- ▶ **Objektif bengkel:**

1. Memahami bagaimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui bermain dilaksanakan.
2. Melaksanakan aktiviti permainan menarik upih.

- ▶ **Objektif permainan:**

1. Mengembangkan KP peserta.
2. Meningkatkan tingkah laku dan amalan toleransi serta mengaplikasikannya ketika bermain.

Pendekatan / Strategi / Kaedah / Teknik

- ▶ Beberapa KP bertindak serentak dalam menghasilkan sesuatu kerja (businessballs.com, 2009). Permainan cooperative melibatkan murid-murid bermain dalam kumpulan dan bekerjasama untuk mencapai matlamat kumpulan (Noriati A. Rasjid, Boon & Sharifah Fakhirah Syed Ahmad, 2012).
- ▶ **Untuk maklumat lanjut....Lampiran ada diedarkan kepada peserta bengkel*

Cara permainan tarik upih dilaksanakan (Org dewasa)


- ▶ Mari menonton video bermain upih di lapangan berikut....




Cara permainan tarik upih dilaksanakan (Kanak-kanak)



Bagaimana pengajaran & pembelajaran Pendidikan Moral iaitu nilai ‘Toleransi’ dilaksanakan sambil bermain “Tarik upih”?

- ▶ Permainan berlangsung sambil melaksanakan tugas-tugas (3 jenis tugas) berkaitan dengan nilai ‘Toleransi’ bagi subjek Pendidikan Moral yang disediakan.
 - i. Teka silang kata
 - ii. Memilih kad dialog yang betul mengenai nilai Toleransi
 - iii. Melengkapkan dialog toleransi
- 

Pergerakan tarik upih sambil menyelesaikan tugas




Nilai: Toleransi

- ▶ **Definisi:**

Toleransi ialah kesanggupan bertolak ansur, sabar & mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup bersama.

Ciri-ciri nilai:

- ▶ Bersikap tolak ansur & tidak membesar-besarkan perkara yg kecil
 - ▶ Tidak mudah dipengaruhi emosi sebaliknya bsabar mhadapi ujian hidup
 - ▶ Menghormati & saling memahami dalam pergaulan
 - ▶ Berusaha untuk mengelakkan blakunya pertelingkahan
 - ▶ Bersedia menerima kekurangan & kelebihan setiap manusia
 - ▶ Menghormati & cuba memahami kepercayaan agama dan budaya etnik lain.
- 

Ajaran agama-agama utama mengenai Nilai toleransi

▶ Islam:

- Surah Al- Hujurat ayat 13, dinyatakan bahawa kepelbagaian etnik diciptakan oleh Tuhan agar manusia saling mengenali. Stratafikasi sosial dibina berdasarkan keimanan.
- Al-Baqarah ayat 62: menyatakan bahawa berbagai agama samawi lainnya turut mempunyai orang2x yg beriman kpd Allah.

▶ Kristian:

- Matthew 18:21–22: Kemudian datanglah Peter dan berkata kepada Jesus: "Tuhan, sampai berapa kali aku harus mengampuni saudaraku jika dia berbuat dosa terhadap aku? Sampai tujuh kali?" 22 Jesus berkata kepadanya: "Bukan! Aku berkata kepadamu: Bukan sampai tujuh kali, melainkan sampai tujuh puluh kali tujuh kali.

▶ Buddha:

- Dalam Brahmajala Sutta: ajaran Buddha menekankan dialog & keluasan hati, unsur penting dalam toleransi.

Video (drama pendek) mengenai tingkah laku situasi:

- ▶ a. Betul dalam nilai 'toleransi' (Angry war)
&
 - ▶ b. Salah dalam nilai 'toleransi' (Happinest)
- 

Mari cuba bermain 'tarik upih' sambil belajar Pendidikan Moral....

- ▶ Bermain melalui main peranan: – Peserta mencuba permainan dalam 3 kumpulan (30 orang). 1 kumpulan = 10 orang. Setiap kumpulan membentuk 5 pasangan.
- ▶ Ahli peserta bagi kumpulan yang menang akan menerima hadiah khas (istimewa) bagi bengkel ini.....penyertaan adalah terhadap (30 orang sahaja). 1st come 1st serve 😊
- ▶ Tahniah bagi kumpulan yang menang & jangan putus asa kerana kalah....adat pertandingan, ada menang & kalah 😊

Refleksi

- ▶ Mohon para peserta membuat refleksi berdasarkan pengalaman anda bermain 'tarik upih' tadi bagi subjek Pendidikan Moral.

Aplikasi

- Dalam kumpulan, pasangan atau individu, kenal pasti nilai selain daripada nilai toleransi yang boleh dijalankan sambil bermain 'tarik upih.'
- Senaraikan 3 jenis aktiviti/tugasan berkumpulan atau berpasangan serta ringkasan contoh aktiviti pengisiannya

Sesi perkongsian & soal jawab oleh peserta

- ▶ **Sesi Perkongsian tugas ringkas aplikasi & Soal Jawab**

Rumusan: Faedah penggunaan permainan 'tarik upih' dalam pdp Pendidikan Moral

- ▶ Saya bersetuju dengan Gardner (2009; 2010) bahawa KP dialami oleh murid-murid semasa bermain dan mengukuhkan kecenderungan kecerdasan individu.
- ▶ Permainan ini menguji kekuatan fizikal dan kecergasan pemain menarik upih serta menerapkan nilai toleransi dan kerjasama dalam kumpulan sambil berseronok menyelesaikan tugas (Azila, 2011).
- ▶ Murid-murid mengaplikasikan secara tidak langsung nilai toleransi ketika bermain dan aktiviti pengisian permainan (Mohd Richard Neles, Abdul Razaq Ahmad & Fazilah Idris, 2012).

Rujukan

- ▶ Azila Alias. (2011). Siri Panduan Buku Perkembangan Awal Kanak-kanak: Permainan untuk Kanak-kanak. Selangor Darul Ehsan: Gerak Ilmu.
- ▶ businessballs.com. (2009). Howard Gardner's multiple intelligences. Retrived from <http://www.businessballs.com/howardgardnermultipleintelligences.htm>
- ▶ Gardner, H. (2009). Howard Gardner's Theory of Multiple Intelligences. Retrived from http://www.niu.edu/facdev/resource/guide/learning/howard_gardner_theory_multiple_intelligences.pdf
- ▶ Gardner, H. (2010). Multiple intelligences. Retrieved from <http://www.howardgardner.com/MI/mi.html>
- ▶ Jurita Alice. (2011). Cara bermain permainan tarik upih. Diakses dari <http://juritanalice-tarikupih.blogspot.com/2011/06/cara-permainan.html>.
- ▶ Mohd Richard Neles, Abdul Razaq Ahmad & Fazilah Idris. (2012). Application of rational choice theory and theory of planned behavior in the multiethnic classroom management towards ethnic tolerance in Malaysia. Proceeding of 1st International Conference on Current Issues in Education (ICCIE 2012) Yogyakarta State University, Indonesia 15-16 September 2012. 340-347.
- ▶ Noriati A. Rashid, Boon, P. Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). Murid dan Alam Belajar Edisi Kemas Kini. Selangor: Oxford Fajar.
- ▶ Ozdemir, P., Guneyusu, S. & Tekkaya C. (2006). Enhancing learning through multiple intelligences. Middle East Technical University & Bashkant University, Turkey: The H. W. Wilson Company.
- ▶ Saayah Abu. (1997). Pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan Melaka Tengah Melaka. Maktab Pendidikan Islam Bangi, 74-78.

**Sekian
Terima kasih**

